

B1A 19/12

Harga minyak meningkat pada Jumaat lalu, dengan menghampiri paras tinggi baharu dalam 17 bulan selepas Goldman Sachs menaikkan unjuran harga komoditi itu bagi 2017.

Malah, pengeluaran minyak juga memberikan tanda komitmen dalam mengurangkan output global.

Kontrak hadapan minyak mentah, Brent meningkat 94 sen atau 1.7 peratus kepada AS\$54.96 setong pada 2:16 p.m. EST (1916 GMT).

Kontrak minyak mentah Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate meningkat 77 sen atau 1.5 peratus kepada AS\$51.67 setong.

Kedua-dua kontrak berada pada landasan untuk meningkat bagi minggu keempat, dengan Brent naik 23 peratus dalam tempoh itu dan AS meningkat 19 peratus.

"Harga meningkat hari ini kerana Goldman Sachs meningkatkan unjuran harga minyak dan Russia berkata syarikat mereka mengurangkan output," kata rakan kongsi pengurus PSW Investments yang berpangkalan di

Woodland Park, New Jersey, Phil Davis.

Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) bersetuju mengurangkan output sebanyak 1.2 juta tong sehari bermula 1 Januari ini, langkah pengurangan pertamanya sejak 2008.

Russia dan pengeluaran bukan OPEC bercadang untuk mengurangkan output sebanyak separuh.

Persetujuan itu, yang dicapai lebih dua minggu lalu, merangsang jangkaan bahawa lebihan bekalan dua tahun akan dikurangkan dan harga kekal tinggi sejak Julai 2015.

Russia berkata, pada Jumaat bahawa syarikat minyak negara itu termasuk Rosneft bersetuju untuk mengurangkan output.

Pengeluar minyak lain termasuk Kuwait dan Arab Saudi memberitahu pelanggan bahawa mereka akan mengurangkan pengeluaran bermula Januari.

Prospek pengeluaran rendah mendorong bank AS, Goldman Sachs untuk menaikkan jangkaan harga WTI bagi suku kedua 2017 kepada AS\$57.50 setong daripada AS\$55. **REUTERS**